

# Usah salah tafsir kenyataan Dr. Mahathir

UM- 22/2/2019

mb: 3

**HULU LANGAT 21 Feb.** - Timbalan Presiden Pakatan Harapan (PH), Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta rakyat tidak menyalah tafsir kenyataan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang bercahaya untuk mengurangkan saiz penjawat awam.

Beliau berkata, langkah itu bukan dilaksanakan serta-merta sebaliknya mengambil masa yang lama iaitu dalam beberapa tahun akan datang.

“Saya fikir penjawat awam bijaksana. Saya dimaklumkan elok dibaca secara teliti kenyataan yang Perdana Menteri buat. Dia (Dr. Mahathir) ada perjelasan supaya ada satu anjakan baharu dan perubahan yang perlu berlaku, proses industrialisasi dan penggunaan jentera dan teknologi.

“Kena baca dengan konteks yang luas. Saya tidak setuju kalau Dr. Mahathir kata nak kurangkan (penjawat awam) hari ini juga.

“Saya fikir, pegawai kera-



**MUHYIDDIN YASSIN**

jaan masih penting, tetapi ini akan melalui fasa di mana ia bukan melibatkan setahun dua sahaja, mungkin mendatang dengan melalui revolusi industri 4.0 dahulu dan pelbagai teknologi baharu akan diperkenalkan,” katanya.

Beliau yang juga Presiden Bersatu berkata demikian kepada pemberita selepas melawat Bilik Gerakan Utama PH di Bandar Rinching di sini hari ini.